



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

19 MEI 2023



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENGURUSAN PERALATAN ICT

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**



ISI KANDUNGAN

1.	Pengenalan	4
2.	Pemakaian SOP	4
3.	Skop Peralatan ICT.....	4
4.	Norma Agihan Peralatan ICT	4
5.	Penerimaan Peralatan ICT	6
6.	Permohonan Peralatan ICT	8
7.	Panduan Penggunaan, Penjagaan dan Penyimpanan Peralatan ICT	9
8.	Tanggungjawab Pengguna Peralatan ICT	11
9.	Penyeleenggaraan Berkala ke Atas Peralatan ICT	14
10.	Kerosakan Peralatan ICT.....	15
11.	Kehilangan/ Kecurian Peralatan ICT	17
12.	Penggantian Peralatan ICT	19
13.	Pelupusan Peralatan ICT	19
14.	Pematuhan.....	22
15.	Lampiran.....	23



1. PENGENALAN

Standard Operating Procedure (SOP) ini menggariskan panduan kepada semua Bahagian, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) berkaitan peraturan dan prosedur pengurusan peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

2. PEMAKAIAN SOP

2.1. SOP ini terpakai kepada semua yang berikut:

- 2.1.1. YAA Ketua Hakim Negara (KHN);
- 2.1.2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan (PMR);
- 2.1.3. YAA Hakim Besar Malaya (HBM);
- 2.1.4. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak (HBSS);
- 2.1.5. YA Hakim Mahkamah Persekutuan (HMP);
- 2.1.6. YA Hakim Mahkamah Rayuan (HMR);
- 2.1.7. YA Hakim (HMT);
- 2.1.8. YA Pesuruhjaya Kehakiman (PjK); dan
- 2.1.9. Pegawai Kehakiman dan kakitangan yang bertugas di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMPM).

3. SKOP PERALATAN ICT

3.1. Skop peralatan ICT merangkumi:

- 3.1.1. Komputer meja (Desktop)
- 3.1.2. Komputer riba (Notebook)
- 3.1.3. Peranti tablet
- 3.1.4. Pencetak (Printer)
- 3.1.5. Pengimbas (Scanner)

3.2. Skop peralatan ICT yang dimaksudkan adalah berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 – Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam.

4. NORMA AGIHAN PERALATAN ICT

4.1. Norma agihan peralatan ICT seperti yang telah dipersetujui adalah seperti yang berikut:



**NORMA AGIHAN PERALATAN ICT BAGI HAKIM, PEGAWAI
KEHAKIMAN, KAKITANGAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
DI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

Peralatan	Kelayakan / Unit	Catatan
YAA KHN/YAA PMR/YAA HBM/YAA HBSS/YA HMP/YA HMR		
Notebook	1	
Desktop	1	
Peranti Tablet	1	
Pencetak	1	Pencetak <i>monochrome</i>
YA HMT/PJK		
Notebook	1	
Peranti Tablet	1	
Desktop	1	
Pencetak	1	Pencetak <i>monochrome</i>
Ketua Pendaftar		
Notebook	1	
Peranti Tablet	1	
Desktop	1	
Pencetak	1	Pencetak <i>monochrome</i>
Jusa/Utama/Khas/Pengarah Negeri/Ketua Bahagian		
Notebook/Desktop	1	Keutamaan adalah <i>notebook</i>
Peranti Tablet	1	- Layak untuk mendapatkan Peranti Tablet bergantung kepada: ○ justifikasi bidang tugas; ○ mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan ○ ketersediaan peralatan.
Pencetak	1	Pencetak <i>monochrome</i> . Digalakkan penggunaan pencetak secara berkongsi berdasarkan perenggan 4.2
Gred 48-54		
Notebook/Desktop	1	Keutamaan adalah <i>notebook</i>
Peranti Tablet	1	- Layak untuk mendapatkan Peranti Tablet bergantung kepada: ○ justifikasi bidang tugas; ○ mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan ○ ketersediaan peralatan.
Pencetak		Rujuk perenggan 4.2
Gred 41-44		
Notebook/Desktop	1	Keutamaan adalah <i>notebook</i>
Peranti Tablet	1	- Layak untuk mendapatkan Peranti Tablet bergantung kepada: ○ justifikasi bidang tugas; ○ mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan ○ ketersediaan peralatan.
Pencetak		Rujuk perenggan 4.2



SOP PENGURUSAN PERALATAN ICT PKPMP

Gred 27 – Gred 38		
Notebook/Desktop	1	- Keutamaan adalah <i>desktop</i> - Layak untuk menggunakan <i>notebook</i> bergantung kepada: - o justifikasi bidang tugas; - o mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan - o ketersediaan peralatan.
Pencetak		Rujuk perenggan 4.2
Gred 17 – Gred 26		
Notebook/Desktop	1	- Keutamaan adalah <i>desktop</i> - Dibenarkan untuk menggunakan <i>notebook</i> bergantung kepada: - o justifikasi bidang tugas; - o mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan - o ketersediaan peralatan.
Pencetak		Rujuk perenggan 4.2
Gred 1 – Gred 16		
Desktop		- Penggunaan <i>desktop</i> adalah secara gunasama. - Dibenarkan untuk menggunakan <i>desktop</i> bagi penggunaan secara persendirian bergantung kepada: - o justifikasi bidang tugas; - o mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan - o ketersediaan peralatan.
Pencetak		Rujuk perenggan 4.2

Jadual 1: Norma Agihan Peralatan ICT kepada Pengguna di PKPMPM



4.2. Pencetak

4.2.1. Pencetak *Monochrome*

- (i) Agihan bagi peralatan Pencetak Monochrome adalah secara perkongsian bagi pegawai, penolong pegawai dan kakitangan sokongan daripada Gred 11 sehingga Gred 54.
- (ii) Pegawai, penolong pegawai dan kakitangan sokongan, layak dibekalkan dengan 1 unit pencetak (1:1) dengan mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar berserta justifikasi sekiranya menguruskan dokumen sulit atau dokumen terperingkat.
- (iii) Kakitangan atau Pegawai yang di bawah klausa 4.2.1.(i) dan bukan di bawah klausa 4.2.1.(ii) layak untuk mendapatkan pencetak secara persendirian dengan justifikasi berikut:
 - a) justifikasi bidang tugas;
 - b) berada dalam bilik berseorangan;
 - c) berjauhan dari pencetak gunasama;
 - d) mendapat kelulusan Ketua Pendaftar; dan
 - e) ketersediaan peralatan.

4.2.2. Pencetak Berwarna

- (i) Agihan bagi Pencetak Berwarna adalah secara perkongsian bagi pegawai, penolong pegawai dan kakitangan sokongan daripada Gred 11 sehingga Gred 54.
- (ii) Agihan bagi Pencetak Berwarna adalah seperti yang berikut:
 - a) Bahagian atau Unit yang mempunyai keperluan dalam bidang tugas untuk cetakan berwarna dalam; dan
 - b) mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar.

4.3. Pengimbas

4.3.1. Agihan bagi Pengimbas adalah secara perkongsian bagi pegawai, penolong pegawai dan kakitangan sokongan daripada Gred 11 sehingga Gred 54.

4.3.2. Agihan bagi Pengimbas adalah seperti yang berikut:

- (i) Bahagian atau Unit yang mempunyai keperluan dalam bidang tugas untuk tujuan pengimbasan dokumen; dan
- (iii) mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar.

4.4. Peralatan ICT Gunasama

4.4.1. Kaunter

- (i) Agihan penggunaan peralatan ICT di kaunter pejabat adalah mengikut justifikasi berikut:
 - a) Berdasarkan keperluan;
 - b) Kekerapan penggunaan; dan
 - c) Menyatakan bilangan peralatan yang diperlukan dengan pengesahan daripada kakitangan teknikal ICT.

4.4.2. Gunasama/Pinjaman

- (i) Pinjaman adalah untuk warga PKPMPM bagi tujuan rasmi sahaja.
- (ii) Setiap pinjaman perlulah disertakan dengan borang permohonan pinjaman peralatan ICT.

5. PENERIMAAN PERALATAN ICT

5.1. Pemeriksaan yang teliti perlu dibuat ke atas peralatan ICT yang diterima bagi memastikan peralatan ICT tersebut menepati spesifikasi yang ditetapkan dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

5.2. Pegawai Penerima yang dilantik adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan peralatan ICT yang diperoleh di Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pusat Kos (PK).

5.3. Setiap peralatan ICT yang diterima hendaklah—

- 5.3.1. menepati spesifikasi yang ditetapkan;
- 5.3.2. berada dalam keadaan yang baik, sempurnadan selamat digunakan;
- 5.3.3. pada kuantiti yang tepat; dan
- 5.3.4. dipastikan nombor siri ada pada setiap item.

5.4. Senarai dokumen yang perlu disediakan oleh syarikat yang dilantik semasa penerimaan peralatan ICT adalah seperti yang berikut:

- 5.4.1. Nota Penghantaran (*Delivery Order*);
- 5.4.2. Akuan Penerimaan (jika ada) seperti di **Lampiran1**;

SOP PENGURUSAN PERALATAN ICT PKPMP

penerima perlu mengisi **KEW.PA-1**.

5.4.3. Spesifikasi peralatan ICT seperti di **Lampiran 2**;

5.4.4. Jika tidak menepati spesifikasi ditetapkan perlu mengisi **KEW.PA-2** dan dipulangkan kepada pembekal.



5.5. Pendaftaran Peralatan ICT

Pendaftaran Peralatan ICT hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, iaitu:

5.5.1. Peralatan ICT hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Dokumen yang diperlukan adalah seperti yang berikut:

- (i) Daftar Harta Modal **KEW.PA-3** seperti di **Lampiran 3(a) dan Lampiran 3(b)**; atau
- (ii) Daftar Inventori **KEW.PA-4** seperti di **Lampiran 4(a) dan Lampiran 4(b)**.
- (iii) Mengemaskini **KEW.PA-5** seperti di **Lampiran 5** dan **KEW.PA-6** seperti di **Lampiran 6**.
- (iv) Menyediakan Senarai Aset Alih pada **KEW.PA-7** dan perlu dipaparkan seperti **Lampiran 7**.

5.5.2. Bagi tujuan pendaftaran peralatan ICT, dokumen yang berikut boleh dirujuk:

- (i) Aset yang dibeli:
 - (a) Pesanan rasmi Kerajaan;
 - (b) Nota serahan;
 - (c) Invois; dan
 - (d) Dokumen kontrak.
- (ii) Aset yang disewa beli:
 - (a) Surat ikatan perjanjian; dan
 - (b) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.
- (iii) Aset yang diterima daripada sumber lain:
 - (a) Salinan daftar jika aset diterima secara pindahan; dan
 - (b) Surat kelulusan menerima hadiah mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa serta maklumat lengkap aset berkaitan.
- (iv) Salinan Sijil Lucuthak bagi aset yang diterima berikutan Perintah Lucuthak oleh Mahkamah.
- (v) Peralatan ICT yang disewa tidak perlu didaftarkan tetapi perlu direkodkan dalam senarai peralatan ICT.



6. PERMOHONAN PERALATAN ICT

6.1. Permohonan peralatan ICT hendaklah menggunakan Borang Permohonan Peralatan ICT seperti di **Lampiran 8**. Borang tersebut boleh dimuat turun melalui portal kehakiman.

6.2. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada norma agihan peralatan ICT seperti di **perenggan 4**.

6.3. Penghantaran/Pengagihan Peralatan ICT

6.3.1. Semasa penghantaran/pengagihan peralatan ICT, tindakan-tindakan yang berikut perlu diambil:

- (i) memastikan maklumat pengguna adalah betul dan lengkap (contoh: nama/jawatan/gred/lokasi).
- (ii) memastikan pengguna yang sah menandatangani Borang KEW.PA-3 bagi pengesahan penerimaan peralatan ICT tersebut.
- (iii) Borang KEW.PA-3 yang asal hendaklah disimpan oleh Pegawai Aset dan satu (1) salinan diserahkan ke Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).
- (iv) Surat Aku Janji seperti di **Lampiran 9** dilengkapi oleh penerima sebanyak tiga (3) salinan dan disahkan oleh Ketua Jabatan. Satu (1) salinan disimpan oleh penerima, satu (1) salinan disimpan oleh Pegawai Aset di lokasi dan satu (1) salinan lagi dihantar kepada BTM.



7. PANDUAN PENGGUNAAN, PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN PERALATAN ICT

7.1. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, peraturan penggunaan peralatan ICT adalah seperti yang berikut:

7.1.1. digunakan bagi tujuan rasmi sahaja;

7.1.2. digunakan mengikut fungsi sebenar seperti yang terdapat dalam manual/buku panduan pengguna;

7.1.3. dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan;

7.1.4. penggunaan peralatan ICT pegawai hendaklah direkodkan;

7.1.5. Surat Aku Janji hendaklah ditandatangani; dan

7.1.6. melaporkan kerosakan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset KEW.PA-10 seperti **Lampiran 10**.

7.2. Dasar Keselamatan ICT PKPMP 2010 menggariskan bahawa peralatan ICT hendaklah dijaga dan dikawal selia dengan baik. Antara perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:

7.2.1. memeriksa dan memastikan semua peralatan ICT di bawah kawalan pengguna berfungsi dengan sempurna;



- 7.2.2. bertanggungjawab sepenuhnya ke atas komputer masing-masing dan tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran perkakasan dan konfigurasi yang telah ditetapkan;
- 7.2.3. pengguna dilarang sama sekali menambah, menanggal atau mengganti apa-apa peralatan ICT yang telah ditetapkan;
- 7.2.4. pengguna dilarang membuat pemasangan (*installation*) apa-apa perisian tambahan tanpa kebenaran Pentadbir Sistem ICT;
- 7.2.5. pengguna adalah bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan peralatan ICT di bawah kawalannya;
- 7.2.6. pengguna hendaklah memastikan perisian antivirus di dalam komputer peribadi mereka sentiasa aktif (*activated*) dan dikemas kini di samping melakukan imbasan ke atas media storan yang digunakan;
- 7.2.7. semua peralatan ICT hendaklah disimpan atau diletakkan di tempat yang teratur, bersih dan mempunyai ciri-ciri keselamatan;
- 7.2.8. bagi peralatan ICT yang dibawa keluar dari premis PKPMP, kelulusan daripada Ketua Pendaftar atau pegawai yang diturunkan kuasa hendaklah diperoleh dan direkodkan bagi tujuan pemantauan;
- 7.2.9. peralatan ICT yang hilang hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak polis, Pengarah Mahkamah Negeri yang berkenaan, Ketua Jabatan dan pegawai keselamatan ICT (ICTSO);
- 7.2.10. pengendalian peralatan ICT hendaklah mematuhi dan merujuk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;
- 7.2.11. pengguna dilarang sama sekali mengubah kata laluan bagi pentadbir (*administrator password*) yang telah ditetapkan oleh Pentadbir Sistem ICT;
- 7.2.12. pengguna bertanggungjawab terhadap perkakasan, perisian dan maklumat di bawah jagaannya dan hendaklah digunakan sepenuhnya bagi urusan rasmi sahaja; dan
- 7.2.13. apa-apa bentuk penyelewengan atau salah guna peralatan ICT hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO).

7.3. Peraturan penjagaan dan penyimpanan peralatan ICT yang perlu diberi penekanan adalah seperti yang berikut:

- 7.3.1. Penjagaan dan penyimpanan semasa di pejabat:



- (i) Peralatan ICT hendaklah sentiasa berada di bawah pengawasan pegawai.
- (ii) Peralatan ICT hendaklah disimpan di dalam almari/kabinet yang berkunci/bilik khas untuk penyimpanan peralatan ICT.
- (iii) Peralatan ICT tidak boleh dibiarkan terletak di tempat yang terdedah kepada umum.

7.3.2. Penjagaan dan penyimpanan semasa di rumah:

- (i) Peralatan ICT hendaklah disimpan di dalam almari/kabinet yang berkunci.
- (ii) Peralatan ICT setelah digunakan tidak boleh dibiarkan terletak di ruang tamu, di atas meja makan atau di tepi pintu.
- (iii) Semasa meninggalkan rumah, pengguna hendaklah memastikan bilik di mana peralatan ICT disimpan dan rumah berada dalam keadaan berkunci dan selamat.

7.3.3. Penjagaan semasa menghadiri kursus/seminar/bengkel di luar pejabat:

- (i) Semasa menghadiri kursus/seminar/bengkel, semua peralatan ICT hendaklah dibawa bersama pengguna.
- (ii) Jika tidak digunakan, peralatan ICT hendaklah ditinggalkan di dalam bilik seminar/bilik penginapan yang berkunci dengan selamat.

7.3.4. Penjagaan semasa di dalam kenderaan:

Peralatan ICT tidak boleh ditinggalkan di dalam kenderaan tanpa pengawasan.

8. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA PERALATAN ICT

8.1. Pengguna dikehendaki menandatangani pengesahan penerimaan pada Borang KEW.PA-3 serta melengkapkan Surat Aku Janji seperti di **Perenggan 6.**

8.2. Selaras dengan Dasar Keselamatan ICT PKPMP 2017 versi 2.1, setiap



pengguna peralatan ICT adalah bertanggungjawab terhadap semua aset ICT di bawah tanggungjawabnya.

8.3. Setiap peralatan ICT yang digunakan hendaklah dipastikan berada/disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan.

8.4. Pengguna peralatan ICT tidak boleh memindahkan peralatan ICT tanpa kebenaran Pegawai Aset/Ketua Jabatan. Memindahkan peralatan ICT termasuk:

8.4.1. memindahkan lokasi asal peralatan ICT ke lokasi lain; dan

8.4.2. menukar aksesori sedia ada seperti monitor asal dengan monitor yang lain.

8.5. Peralatan ICT yang tidak digunakan hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Aset dan BTM dan pada bila-bila masa BTM berhak mengambil semula peralatan ICT yang tidak digunakan tersebut.

8.6. BTM berhak menarik balik peralatan ICT yang disalah guna dan tidak akan mempertimbangkan apa-apa permohonan baharu bagi peralatan ICT pada masa akan datang. Perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

8.6.1. Pengguna yang diberi kemudahan internet hendaklah menggunakannya untuk kegunaan rasmi sahaja.

8.6.2. Laman yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Ketua Pendaftar/pegawai yang diberi kuasa.

8.6.3. Apa-apa bahan yang dimuat turun daripada internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh PKPMP.

8.6.4. Penggunaan *modem, router, switch* atau peralatan rangkaian ICT lain yang bukan dibekalkan oleh BTM untuk tujuan sambungan ke internet adalah dilarang sama sekali kecuali mendapat kelulusan daripada BTM, PKPMP.

8.6.5. Pengguna dilarang memuat naik, memuat turun, menyimpan dan



menggunakan perisian tidak berlesen dan apa-apa aplikasi seperti permainan elektronik, video dan lagu yang boleh menjejaskan tahap capaian internet serta menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan atau bahan-bahan yang terlarang seperti: fail elektronik, video, audio dan bahan media elektronik yang tidak berkaitan dengan bidang tugas.

8.6.6. Pengguna hendaklah menggunakan akaun e-mel rasmi kehakiman yang disediakan oleh PKPMP bagi apa-apa urusan penghantaran dan penerimaan e-mel rasmi.

8.6.7. Alamat e-mel persendirian (seperti yahoo.com, gmail.com, streamyx.com.my dan sebagainya) tidak boleh digunakan untuk tujuan rasmi.

8.7. Pertukaran Hakim/pegawai/kakitangan ke Mahkamah lain di bawah PKPMP

8.7.1. Hakim/pegawai/kakitangan yang diarahkan bertukar pejabat adalah tidak dibenarkan membawa bersama peralatan ICT ke pejabat baharu. Walau bagaimanapun, sekiranya pengguna menghendaki peralatan ICT (komputer riba sahaja) dibawa bersama ke tempat baharu, pengguna bolehlah berbuat demikian dengan mengemukakan permohonan kepada BTM seperti di **Lampiran 11** dengan satu salinan kepada Pegawai aset di lokasi asal.

8.7.2. Pegawai aset lokasi asal hendaklah menyerahkan KEW.PA-3 asal peralatan ICT pengguna tersebut kepada Pegawai aset di lokasi baharu.

8.8. Pertukaran Hakim/pegawai/kakitangan ke Jabatan/Agensi luar selain PKPMP

8.8.1. Hakim/pegawai/kakitangan yang diarahkan bertukar tidak dibenarkan membawa bersama peralatan ICT ke pejabat baharu dan dikehendaki menyerahkan semula peralatan ICT kepada Pegawai Aset di lokasi dalam tempoh dua (2) hari sebelum



melapor diri ke tempat baharu dengan mengemukakan borang penyerahan peralatan ICT seperti di **Lampiran 12**. Borang penyerahan peralatan ICT tersebut hendaklah diisi dalam dua (2) salinan iaitu satu (1) salinan diserahkan kepada Pegawai aset di lokasi dan satu salinan kepada BTM.

8.8.2. Ketidakpatuhan perenggan 8.8.(i) akan menyebabkan pengguna boleh dikenakan tindakan tatatertib.

8.9. Hakim/pegawai/kakitangan Cuti Belajar/Bersara/Meletak Jawatan

8.9.1. Sekiranya Hakim/pegawai/kakitangan cuti belajar/bersara/meletak jawatan, peralatan ICT yang digunakan seperti yang berikut hendaklah diserahkan semula kepada Ketua Jabatan/BTM:

8.9.1.1. Komputer riba (termasuk aksesori seperti *mouse*, *adapter*, beg komputer);

8.9.1.2. External Hardisk;

8.9.1.3. External CD/DVD ROM; dan

8.9.1.4. Peranti Tablet.

8.9.2. Ketidakpatuhan perenggan 8.9 (i) akan menyebabkan pengguna boleh dikenakan tindakan tatatertib.

8.10. Pengguna berkenaan hendaklah memaklumkan kepada Ketua Jabatan/ BTM bagi tujuan pengemaskinian rekod KEW.PA yang berkaitan jika bertukar tempat bertugas atau cuti belajar/bersara/meletak jawatan/ diberhentikan sama ada melalui surat atau e-mel.

8.11. Pegawai aset di lokasi hendaklah mengemas kini Borang KEW.PA-3 dan memaklumkan kepada BTM sekiranya terdapat apa-apa perubahan terhadap peralatan ICT.

9. PENYELENGGARAAN BERKALA KE ATAS PERALATAN ICT

9.1. Bagi memastikan peralatan ICT berfungsi dengan baik dan perisian adalah tulen, penyelenggaraan peralatan ICT secara berkala akan dibuat oleh



syarikat pembekal. Sehubungan dengan itu, pengguna hendaklah membenarkan syarikat pembekal melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan.

9.2. Sekiranya pengguna tidak mahu penyelenggaraan dijalankan ke atas peralatan ICT yang dibekalkan kepada mereka, pengguna hendaklah menandatangani borang pengesahan yang disediakan oleh syarikat pembekal. Namun begitu, pengguna akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh ketidakpenyelenggaraan tersebut.

9.3. Pegawai aset hendaklah merekodkan setiap penyelenggaraan dalam Daftar Harta Modal KEW.PA-14 seperti **Lampiran 13** dan KEW.PA-15 seperti **Lampiran 14**.

10. KEROSAKAN PERALATAN ICT

10.1. Kerosakan peralatan ICT hendaklah dilaporkan ke Helpdesk BTM/First Level Support (FLS) di PTJ/PK. Aduan kerosakan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang aduan yang disediakan seperti di **Lampiran 15(a) dan Lampiran 15(b)** atau melalui laman sesawang helpdesk di <http://helpdesk.kehakiman.gov.my>.

10.2. Helpdesk BTM boleh dihubungi melalui:

10.2.1. telefon : 03-88809405

10.2.2. faks : 03-88804106 (borang aduan); atau

10.2.3. emel : helpdesk@kehakiman.gov.my.

10.3. Jika peralatan masih dalam waranti/tempoh kontrak (sewaan/ sewa/ beli):

10.3.1. pengguna hendaklah merujuk kepada label syarikat pembekal yang dilekatkan pada peralatan komputer yang biasanya mengandungi tempoh kontrak, nombor siri peralatan dan nombor telefon helpdesk syarikat;



- 10.3.2. pengguna mengenal pasti kerosakan;
 - 10.3.3. pengguna mendapatkan jenis/jenama dan nombor siri peralatan yang rosak;
 - 10.3.4. pengguna menghubungi nombor helpdesk syarikat untuk membuat aduan kerosakan; dan
 - 10.3.5. Pegawai aset hendaklah merekodkan setiap penyelenggaraan dalam Daftar Harta Modal KEW.PA-14.
- 10.4. Jika peralatan telah tamat tempoh waranti—
- 10.4.1. pengguna mengenal pasti kerosakan;
 - 10.4.2. pengguna mendapatkan jenis, jenama dan nombor siri peralatan yang rosak;
 - 10.4.3. pengguna menghubungi FLS/Juruteknik. FLS menyemak kerosakan dan membuat pembaikan;
 - 10.4.4. sekiranya FLS tidak dapat membaiki kerosakan dalam tempoh dua (2) hari, FLS hendaklah menghubungi juruteknik komputer untuk pembaikan lanjut. Juruteknik komputer perlu mengenal pasti kerosakan dan membuat pembaikan/penyelenggaraan sehingga peralatan ICT berfungsi seperti sedia kala. Sekiranya kerosakan memerlukan alat ganti, dapatkan kos pembaikan daripada syarikat luar. Kerosakan yang tidak melibatkan alat ganti hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua (2) hari bekerja;
 - 10.4.5. Pegawai aset hendaklah merekodkan setiap penyelenggaraan dalam Daftar Harta Modal KEW.PA-14; dan
 - 10.4.6. sekiranya kerosakan berulang dan kos pembaikan tidak ekonomik, peralatan ICT tersebut boleh disyorkan kepada Pegawai aset untuk dilupuskan.
- 10.5. Kerosakan peralatan ICT yang dikenal pasti akibat kecuaian, pihak BTM tidak akan menanggung kos pembaikan kerosakan tersebut.
- Jenis



kerosakan adalah seperti yang berikut:

- 10.5.1. monitor/ LCD komputer/ komputer riba retak/ pecah;
- 10.5.2. huruf pada *keyboard* komputer/ komputer riba tercabut/ tertangga; dan
- 10.5.3. kerosakan lain akibat kecuaiannya pengguna setelah disemak oleh pihak BTM.

11. KEHILANGAN/ KECURIAN PERALATAN ICT

- 11.1. Setiap pegawai/kakitangan
dikehendaki menandatangani Aku Janji

Penerimaan dan Penggunaan Peralatan ICT seperti di **Perenggan 8**.

- 11.2. Tindakan yang perlu diambil apabila berlaku kes kehilangan/kecurian:

- 11.2.1. Pegawai/kakitangan hendaklah melaporkan kes kehilangan dengan serta merta kepada Ketua Jabatan. Jika kehilangan berlaku di Pusat Kos, Ketua Jabatan adalah Pengarah Mahkamah Negeri.
- 11.2.2. Pegawai/kakitangan yang berkenaan hendaklah melaporkan kes kehilangan kepada polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan diketahui.
- 11.2.3. Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan awal kehilangan aset alih kerajaan KEW.PA-33 seperti **Lampiran 16** dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh laporan polis dibuat dan mengemukakan kepada Unit Aset di ibu pejabat.
- 11.2.4. Unit Aset di ibu pejabat akan mengemukakan laporan tersebut berserta laporan polis kepada Pegawai Pengawal (Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri) dan dibentangkan dalam JKPAK Khas JPM.
- 11.2.5. Perlantikan Ahli Jawatankuasa Penyiasat sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli iaitu pengerusi dan ahli. Gred jawatan



pengerusi jawatankuasa penyiasat tersebut hendaklah yang lebih tinggi daripada gred jawatan pegawai yang kehilangan peralatan ICT. Perlu mengisi KEW.PA-34 seperti **Lampiran 17**.

11.2.6. Jawatankuasa Penyiasat menjalankan siasatan.

11.2.7. Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat KEW.PA-35 seperti **Lampiran 18** dihantar ke Unit Aset di ibu pejabat untuk dikemukakan kepada Urusetia di JPM dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pelantikan.

11.2.8. Laporan Akhir akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal untuk mendapatkan syor dan ulasan.

11.2.9. Berdasarkan laporan, kes selesai jika Mesyuarat memutuskan untuk menghapus kira peralatan ICT tersebut.

11.2.10. Pegawai Aset menyediakan KEW.PA-36 seperti di **Lampiran 19** untuk kelulusan hapus kira.

11.3. Kes kehilangan/kecurian yang berlaku akan menyebabkan tindakan berikut diambil:

11.3.1. tindakan tatatertib dikenakan kepada pegawai iaitu surcaj di bawah seksyen 18(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

11.3.2. bayaran balik mengikut nilai semasa aset yang hilang tidak melebihi RM5,000.00 (di bawah Surat Arahan Perbendaharaan Ruj. KK/BKP/10/535/36 Jld.4 (15) bertarikh 5 Februari 2009 bertajuk Kaedah Alternatif Kepada Tindakan Surcaj Bagi Mendapatkan Nilai Harta Mudah Alih (Elektronik) Yang Hilang seperti di **Lampiran 20**); atau

11.3.3. bayaran balik mengikut nilai semasa aset yang hilang tidak melebihi RM5,000.00 (di bawah Surat Arahan Perbendaharaan Ruj. KK/BKP/10/535/36 Jld.5 (41) bertarikh 31 Julai 2009 bertajuk Penambahbaikan Kaedah Alternatif Kepada Tindakan Surcaj Bagi Mendapatkan Nilai Harta Mudah Alih (Elektronik) Yang



Hilang seperti di **Lampiran 21**).

- 11.4. Implikasi daripada tindakan di atas akan menjejaskan perkembangan kerjaya pegawai berkenaan kerana ia akan direkodkan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

12. PENGANTIAN PERALATAN ICT

- 12.1. Peralatan ICT yang dibekalkan boleh diganti dalam keadaan-keadaan seperti yang berikut:
- 12.1.1. Peralatan ICT berusia melebihi lima (5) tahun dari tarikh perolehan;
 - 12.1.2. Walaupun peralatan ICT belum menjangkau usia lima (5) tahun tetapi sering rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki;
 - 12.1.3. Walaupun peralatan ICT belum menjangkau usia lima (5) tahun tetapi sudah tidak ekonomik untuk digunakan.

13. PELUPUSAN PERALATAN ICT

- 13.1. Pelupusan ialah satu proses untuk mengeluarkan aset dari milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan.
- 13.2. Justifikasi pelupusan adalah seperti yang berikut:
- 13.2.1. tidak ekonomik untuk dibaiki;
 - 13.2.2. usang/*obsolete*;
 - 13.2.3. rosak dan tidak boleh digunakan;
 - 13.2.4. luput tempoh penggunaan;
 - 13.2.5. keupayaan aset tidak lagi di peringkat optimum;
 - 13.2.6. tiada alat ganti;
 - 13.2.7. pembekal tidak lagi memberi khidmat sokongan;
 - 13.2.8. disyor selepas pemeriksaan aset;
 - 13.2.9. tidak lagi diperlukan oleh Jabatan;
 - 13.2.10. perubahan teknologi; dan
 - 13.2.11. melebihi keperluan.



13.3. Kuasa Melulus:

13.3.1. Perbendaharaan

- (i) Nilai perolehan asal satu aset melebihi RM200,000.00 atau jumlah keseluruhannya melebihi RM1,000,000.00; dan
- (ii) Semua kaedah pelupusan tanpa mengira nilai perolehan asal seperti yang berikut:
 - a) hadiah;
 - b) pindahan dari Jabatan Persekutuan ke Negeri;
 - c) tukar beli (*trade-in*);
 - d) tukar barang (*barter-trade*); dan
 - e) kaedah lain pelupusan yang tidak dinyatakan dalam SOP ini.

13.3.2. Kementerian/ Jabatan

- (i) Nilai perolehan asal satu aset tidak melebihi RM200,000.00 atau jumlah keseluruhannya tidak melebihi RM1,000,000.00; dan
- (ii) Pindahan aset antara Jabatan Persekutuan bagi nilai perolehan asal tidak melebihi RM200,000.00 setiap satu atau jumlah keseluruhannya tidak melebihi RM1,000,000.00.

13.4. Proses Kerja Pelupusan Aset ICT

13.4.1. Pegawai Aset mengenal pasti aset yang hendak dilupuskan.

Semua kandungan peralatan khususnya maklumat rahsia rasmi hendaklah dihapuskan terlebih dahulu. Sekiranya maklumat perlu disimpan, maka pengguna bolehlah membuat penduaan.

13.4.2. Peralatan ICT yang akan dilupuskan sebelum dipindah milik hendaklah dipastikan data-data dalam storan telah dihapuskan dengan cara yang selamat. KEW.PA-18 seperti **Lampiran 22**



- 13.4.3. Pegawai Aset menyediakan Perakuan Pelupusan (PEP) Aset Alih Kerajaan KEW.PA-19 seperti **Lampiran 23** dan perlu mendapatkan pengesahan daripada BTM.
- 13.4.4. Pegawai Aset menyediakan maklumat aset kepada Lembaga Pemeriksa Aset di PTJ. Surat lantikan LPP perlu mengeluarkan KEW.PA-20 seperti **Lampiran 24**.
- 13.4.5. Lembaga Pemeriksa Aset menjalankan pemeriksaan bagi aset yang hendak dilupuskan.
- 13.4.6. Lembaga Pemeriksa Aset melengkapkan dan menandatangani KEW.PA-21 seperti **Lampiran 25**.
- 13.4.7. Pegawai aset mengemukakan KEW.PA-19 dan KEW.PA-21 yang telah disahkan kepada Urus Setia Pelupusan Aset di Unit Aset PKPMP.
- 13.4.8. Urus Setia Pelupusan Aset menyemak KEW.PA-19 dan KEW.PA-21 dan pastikan dokumen sokongan yang disertakan telah disahkan.
- 13.4.9. Urus Setia menentukan dan menyemak bidang kuasa melulus seperti di **perenggan 13.3**.
- 13.4.10. Pegawai aset melaksanakan kaedah pelupusan mengikut keputusan bidang kuasa yang melulus pelupusan.
- 13.4.11. Jika syor kaedah pelupusan oleh Lembaga Pemeriksa Aset adalah secara jualan sisa yang mana aset ICT dikategorikan sebagai Buangan Terjadual perlu dilupuskan kepada premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 24 September 2010 seperti **Lampiran 26**.
- 13.4.12. Pegawai Aset mengemukakan permohonan Sijil Pelupusan kepada Urus Setia Pelupusan Aset dan memastikan dokumen yang berikut disertakan:
 - 13.4.12.1. Salinan resit bagi pelupusan kaedah jualan;
 - 13.4.12.2. Surat akuan terima bagi pelupusan kaedah pindahan/hadiah; dan
 - 13.4.12.3. Sijil penyaksian pemusnahan KEW.PA-22 seperti



Lampiran 27 bagi pelupusan kaedah musnah.

13.4.13. Urus Setia Pelupusan Aset menyediakan Sijil Pelupusan KEW.PA-23 seperti **Lampiran 28**.

13.4.14. Pegawai Aset hendaklah merekodkan butir-butir pelupusan dan mengemas kini rekod pelupusan peralatan ICT.

14. PEMATUHAN

14.1. Semua warga PKPMP hendaklah membaca, memahami dan mematuhi SOP ini dan undang-undang atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

14.2. SOP ini hendaklah dipatuhi dengan ketat oleh semua pihak. Sebarang ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

15. NOTA MAKLUMAN

15.1 Meletakkan peralatan ICT di tempat awam tanpa pengawasan yang sewajarnya.

15.2 Meletakkan peralatan ICT di dalam kenderaan tanpa pengawasan.

15.3 Meletakkan peralatan ICT di tempat yang tidak berkunci dan terdedah kepada pandangan umum semasa meninggalkan peralatan ICT di dalam rumah.

15.4 Membawa keluar peralatan ICT tanpa kebenaran secara bertulis daripada Ketua Jabatan.

15.5 Gagal membuktikan tanda pecah masuk tempat peralatan ICT dilaporkan hilang.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Bertarikh: 19 Mei 2023.



LAMPIRAN



Lampiran 1

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

AM 2.2 Lampiran A

KEW.PA-1

No. Rujukan:

BORANG PENERIMAAN ASET ALIH

Nama dan Alamat Pembekal/ Agen Penghantaran/ Pemberi	Jenis Penerimaan	Pesanan Kerajaan (PK)/ Kontrak/ Surat Kelulusan		Nota Hantaran (DO)		Maklumat Pengangkutan
		Nombor Rujukan	Tarikh	Nombor Rujukan	Tarikh	

No. Kod	Keterangan Aset Alih	Kuantiti			Catatan
		Dipesan (PK)	Nota Hantaran (DO)	Diterima	

..... (Tandatangan Pegawai Penerima) Nama: Jawatan: Jabatan: Tarikh:	 (*Tandatangan Pegawai Teknikal) Nama: Jawatan: Jabatan: Tarikh: * Jika Perlu.
--	--



Lampiran 2

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

AM 2.2 Lampiran B

(WAJIB CETAK)

KEW.PA-2

No. Rujukan:

BORANG PENOLAKAN ASET ALIH

Nama dan Alamat Pembekal/ Agen Penghantaran/ Pemberi	Pesanan Kerajaan (PK)/ Kontrak/ Surat Kelulusan		Nota Hantaran (DO) dan Tarikh		Maklumat Pengangkutan	No. Ruj. Penerimaan
	Nombor Rujukan	Tarikh	Nombor Rujukan	Tarikh		

No. Kod	Keterangan Aset Alih	Kuantiti					Sebab-Sebab Penolakan	Catatan
		Dipesan (PK)	Nota Hantaran (DO)	Diterima	Ditolak	Kurang/ Lebih (+/-)		

Pegawai Penerima	Akuan Terima Pembekal/ Agen Penghantaran	
..... Nama: Jawatan: Tarikh: Cap Jabatan:	Disahkan Aset Alih ini diterima untuk tindakan atas sebab-sebab berikut:- ☐ Kuantiti Ditolak ☐ Kuantiti Kurang ☐ Kuantiti Lebih	 Nama: Tarikh: Cap Syarikat:

**Lampiran 3(a)****KEW.PA-3**

(No. Siri Pendaftaran:)

DAFTAR HARTA MODAL

Kementerian/ Jabatan:

Bahagian/ Cawangan:

BAHAGIAN A

Kod Nasional			
Keterangan Aset			
Kategori			
Sub Kategori			
Jenis/ Jenama/ Model			
Buatan		Harga Perolehan Asal (RM)	
Jenis Dan No. Enjin		Tarikh Perolehan	
		Tarikh Diterima	
No Casis/ Siri Pembuat		No. Pesanan Rasmi Kerajaan/ Kontrak	
No Pendaftaran (Bagi Kenderaan)		Tempoh Jaminan	
		Nama Pembekal Dan Alamat:	
Spesifikasi/ Catatan:			
	*Tandatangan Ketua Jabatan		
	Nama	:	
	Jawatan	:	
	Tarikh	:	
	Cap	:	

PENEMPATAN

Lokasi						
Tarikh						
Nama Pegawai						

PEMERIKSAAN

Tarikh						
Status Aset						
Nama Pemeriksa						

USIA GUNA DAN NILAI SEMASA

Tarikh						
Usia Guna						
Nilai Semasa (RM)						
Nama Pegawai						

PINDAHAN/ PELUPUSAN/ HAPUS KIRA

Perkara	Rujukan Kelulusan	Tarikh Kelulusan	Nama Pegawai

*Nota Tandatangan Ketua Jabatan boleh ditandatangani oleh Ketua Jabatan/ Bahagian/ Seksyen/ Unit.



Lampiran 3(b)

KEW.PA-3

DAFTAR HARTA MODAL

BUTIR-BUTIR ASAL/ PENAMBAHAN/ NAIK TARAF/ PENGGANTIAN

BAHAGIAN B

Bil.	No. Siri Pendaftaran Komponen	Jenis/ Jenama/ Model	Kos (RM)	Tempoh Jaminan	Asal/ Tambah/ Naik Taraf/ Penggantian	Tarikh			Catatan	Nama Pegawai
						Dipasang	Dikeluarkan	Dilupus/ Dihapus Kira		

**Lampiran 4(a)****KEW.PA-4**

(No. Siri Pendaftaran:)

DAFTAR ASET ALIH BERNILAI RENDAH

Kementerian/ Jabatan :

Bahagian :

BAHAGIAN A

Kod Nasional			
Keterangan Aset			
Kategori			
Sub Kategori			
Jenis/ Jenama/ Model			
Buatan		Harga Perolehan Asal (RM)	
Jenis Dan No. Enjin		Tarikh Perolehan	
		Tarikh Diterima	
No Casis/ Siri Pembuat		No. Pesanan Rasmi Kerajaan/ Kontrak	
No Pendaftaran (Bagi Kenderaan)		Tempoh Jaminan	
		Nama Pembekal Dan Alamat:	
Spesifikasi/ Catatan:		Nama Ketua Jabatan :	
		Jawatan :	
		Tarikh :	

PENEMPATAN

Lokasi							
Tarikh							
Nama Pegawai							

PEMERIKSAAN

Tarikh							
Status Aset							
Nama Pemeriksa							

USIA GUNA DAN NILAI SEMASA

